

TARIKH	SELASA, 14 SEPTEMBER 2021
AKHBAR	KOSMO!
TAJUK ARTIKEL	TURUN PADANG SELAMI DERITA RAKYAT
M/S	6
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

6 **Negara!**

Kosmo! SELASA 14 SEPTEMBER 2021

Al-Sultan Abdullah dedah terima ratusan surat rintihan daripada orang ramai

Turun padang selami derita rakyat

Oleh RASDAN AHMAD

PETALING JAYA – Semua Ahli Parlimen, wakil rakyat dan agensi kerajaan perlu bertindak proaktif dengan turun padang untuk meninjau dan menyelami isu rakyat secara lebih dekat.


Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut bertitah agar memantau pencapaian program yang telah diumumkan kerajaan.

Titah Al-Sultan Abdullah, beberapa perkara perlu diberi tumpuan termasuk program jaringan keselamatan sosial seperti inisiatif Wilayah Cakna, Skim Wilayah Bebas Berniaga dan Program Usahawan Anak Muda Kota.

"Inisiatif sebegini dilihat berupaya meringankan bebanan warga kota. Program pembangunan luar bandar juga hendaklah terus ditingkat dan diperkasakan.

"Kerajaan hendaklah menentukan pelan strategik pembangunan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Ke-12 meliputi infrastruktur, ekonomi, keusahawanan, modal insan dan sistem penyampaian bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

"Beta amat prihatin dengan nasib rakyat yang terkesan ekoran pelaksanaan pelbagai



Al-SULTAN ABDULLAH berkenan menyampaikan titah pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat Parlimen ke-14 semalam. – IHSAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

langkah tertentu oleh kerajaan dalam usaha membendung pandemik Covid-19," titah Seri Paduka Baginda pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat Parlimen ke-14 semalam.

Al-Sultan Abdullah turut mendedahkan baginda telah menerima ratusan pucuk surat yang diutus oleh rakyat yang merintih, penuh duka dengan seribu harapan agar sinar perubahan dapat mereka kecapai dengan segera

bagi meneruskan kehidupan seperti biasa.

"Setelah lebih setahun berlalu, negara masih lagi belum bebas sepenuhnya daripada pandemik Covid-19. Negara dan rakyat beta telah terlalu lama di-

belenggu dengan masa hadapan yang kelam, bergelut dengan isu kesihatan dan juga kemurungan ekonomi.

"Terlalu ramai rakyat beta yang terkesan dengan penularan pandemik ini, terlalu ramai juga rakyat beta yang telah kehilangan sumber rezeki," titah Seri Paduka Baginda.

Al-Sultan Abdullah juga menasihati semua wakil rakyat supaya tidak meletakkan masa depan negara dan rakyat sebagai taruhan dalam percaturan untuk mencapai agenda tertentu.

Seri Paduka Baginda turut menggesa semua pihak agar segera menghentikan pertelingkahan yang boleh menggugat kesepaduan dan keharmonian rakyat.

"Beta menyeru kepada ahli-ahli yang berhormat sekalian untuk mengembalikan fokus kepada usaha memerangi pandemik Covid-19 serta membawa kembali sinar kepada rakyat beta dan negara tanah tumpahnya darah kita," titah Seri Paduka Baginda.

Al-Sultan Abdullah juga mahu kerajaan yang baharu dibentuk melipatgandakan usaha memerangi Covid-19 dan membawa negara serta rakyat keluar daripada ancaman pandemik itu menerusi budaya kerja berprestasi tinggi dan fokus berterusan.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM